

# Langkah atasi isu Usukan

Oleh Mohd Shah Abdullah

B.H 26 MAY 1993

SUBANG, Selasa — Kerajaan mungkin meminda Perlembagaan Persekutuan supaya Menteri Hal-Ehwal Sabah yang baru dilantik, Tun Datu Mustapha Datu Harun tidak perlu mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Usukan bagi membolehkan pilihan raya kecil diadakan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sedia mengkaji perkara itu sebagai satu daripada beberapa langkah mengelakkan berlakunya pilihan raya kecil di Usukan.

"Barangkali kita kaji undang-undang, mungkin buat pindaan Perlembagaan. Kalau perlu dipinda Perlembagaan, itu terpuanglah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur selepas

menghadiri mesyuarat agung antarabangsa ke-26 Majlis Ekonomi Lingkungan Pasifik (PBEC), di Seoul, Korea Selatan.

Dr Mahathir ditanya mengenai langkah lain yang difikirkan oleh kerajaan selain kemungkinan mengadakan pilihan raya kecil, berikutan keputusan Kabinet Rabu lalu melantik Mustapha sebagai Menteri Hal-Ehwal Sabah.

Mengikut Perkara 43 (8) Perlembagaan Persekutuan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang dilantik menjadi menteri perlu mengosongkan kerusinya sebelum dia boleh menjalankan tugasnya.

Perkara 48 (3) itu berbunyi: "Jika seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri dilantik menjadi seorang menteri ia hendaklah berhenti daripada menjadi Ahli Dewan Negeri itu sebelum menja-

lankan tugas jawatannya."

Dr Mahathir berkata, beliau juga telah berbincang dengan timbalannya, Ghafar Baba mengenai perlantikan Mustapha itu dan akan mengambil tindakan mengatasinya.

"Saya telah bincang dengan Ghafar mengenai perkara ini dan kita akan ambil tindakan tertentu untuk atasi perkara ini.

"Kalau perlu kosongkan kerusi... kosongkan. Kalau tak payah kosongkan. Kalau perlu pilihan raya kecil, kita adakan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata buat masa ini Mustapha tidak perlu meletakkan jawatan kerana belum lagi mengangkat sumpah sebagai Menteri.

"Jadi kita tidak perlu ambil tindakan," katanya.

Ditanya dakwaan berhubung percubaan pemimpin Parti Bersatu Sa-

bah (PBS) pernah merancang menjadikan Pulau Balambang di utara Kudat sebagai tempat latihan ketenteraan untuk keluar dari Malaysia. Dr Mahathir berkata kerajaan memang menyedari ada usaha itu.

"Memang kita sedar usaha ini. Sebab itu kita terpaksa tahan Jeffrey Kitingan dan orang lain yang turut terbabit.

"Memang niat mereka untuk keluar Sabah dari Malaysia walaupun mereka sangkal. Mengikut hasil penyelidikan kita, jelas sekali mereka berniat untuk berbuat demikian," katanya.

Semalam, Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Datuk Mark Koding ketika mendedahkan perkara itu, berkata latihan ketenteraan itu membabitkan veteran Marin Amerika.

Bagaimanapun usaha



DR MAHATHIR ... beberapa langkah

itu sempat dihalang apabila Kementerian Dalam Negeri mendapat maklumat mengenainya dan beberapa perancangnya ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) manakala yang lain lari ke luar negara.

Ditanya sama ada niat pemimpin PBS untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia itu masih ada, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata:

"Saya fikir ada, sebab itu tidak ada kerjasama diberi kepada Kerajaan Pusat," katanya.